

31/12/1999

PM minta NGO tidak terlalu mendesak

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melancarkan pemulauan ayam kerana membantah kenaikan harga barangan, tidak terlalu mendesak kerana ia akan menjejaskan pendapatan peniaga miskin.

"Saya fikir kita patut jangan tergesa-gesa sangat, kalau boikot kita kena ingat orang yang jual itu nak cari makan juga.

"Sesetengah daripada mereka itu bukan orang kaya, mereka orang miskin. Mereka boleh jual barangkali hanya 10 hingga 15 ekor ayam. Kita boikot ... teruklah dia orang," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: Menghadapi Alaf Baru, di Hotel Palace of the Golden Horses di Sungai Besi, hari ini.

Perdana Menteri mengulas tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang bergabung dengan Fomca, Cuepacs dan Majlis Belia Malaysia (MBM) mengadakan kempen pemulauan ayam sejak 23 Disember lalu, sebagai bantahan terhadap kenaikan harga barangan secara mendadak pada musim perayaan ini.

Dr Mahathir bagaimanapun memberi amaran, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap peniaga kaya yang sengaja menaikkan harga, sedangkan kos pengeluaran mereka rendah.

"Kenaikan harga barangan pada musim perayaan adalah perkara biasa kerana permintaan meningkat dan bekalan kemungkinan terhad.

"Tetapi janganlah boikot semua orang. Orang yang jual di gerai bukan dapat banyak sangat. Kalau dia dapat satu hari RM20, pi boikot dia, RM20 pun tak dapat ... dia nak makan apa," katanya.

(END)